

Lagi laporan
lihat muka 3, 4 dan 5

PERHIMPUNAN RAKSASA UMNO AHAD INI

Keadaan negara

UM 29 OCT 1987

— Mahathir

KUALA LUMPUR 28 Okt. — Perdana Menteri **Datuk Sri Dr. Mahathir Mahamad** hari ini membatalkan perhimpunan raksasa UMNO yang dijadualkan Ahad ini "kerana keadaan dalam negeri adalah amat tegang."

Memandangkan keadaan sudah sampai ke tahap merbahaya, beliau selaku Menteri Dalam Negeri, juga mengharamkan semua bentuk perhimpunan atau rapat umum.

Dalam satu kenyataan khas kepada Dewan Rakyat petang ini, Perdana Menteri berkata, kerajaan tidak boleh menunggu sehingga rusuhan tercetus untuk bertindak. Beliau menarik perhatian, kerajaan perlu bertindak cepat bagi mencegah rusuhan itu dari berlaku untuk menyelamatkan negara daripada bahaya dan bencana yang mungkin dihadapi ekoran beberapa pergolakan yang tegang.

Datuk Sri Dr. Mahathir juga memberi amaran bahawa kerajaan akan mengambil tindakan tegas ke atas mereka yang cuba menimbulkan huru-hara atau menghalang kerajaan menjalankan kewajibannya untuk menjamin

DIBATALKAN

Ucapan penuh
Datuk Sri Dr. Mahathir
di muka 8

tegang

kestabilan dan ketenteraman negara.

Menurut Perdana Menteri, pihak polis yang pada sepanjang masa memerhati dan meneliti perkembangan politik dan lain-lain gerak-geri rakyat mendapati bahawa ada pihak tertentu yang tidak menghargai sikap kerajaan yang terbuka dan sebaliknya menggunakan peluang tersebut untuk memperalatkan isu-isu sensitif.

Beliau menegaskan, pihak polis mendapati ada beberapa tokoh dan pemimpin parti pembangkang dan kumpulan - kumpulan yang sebulu dengan mereka telah dengan sengaja membesar - besarkan isu yang ada kaitan dengan kaum.

"Pihak DAP khususnya terlalu memainkan isu-isu perkauman Cina dan India secara terbuka dan memberi gambaran bahawa kerajaan menindas kaum-kaum ini.

"Mereka mengadakan rapat-rapat umum, mesyuarat awam, rally, demonstrasi dan kegiatan lain untuk membakar hati orang-orang Cina dan India terhadap kerajaan dan orang-orang Melayu dan satu perbuatan yang amat bahaya ialah menggunakan kuil untuk mesyuarat perkauman," kata beliau. Perdana Menteri juga berkata bahawa pemimpin - pemimpin Parti DAP gemar menggunakan isu berbau perkauman untuk mendapatkan sokongan dan mereka bukan sahaja berlagak sebagai juara kaum Cina dan India tetapi juga sengaja mencabar parti-parti kaum Cina dan India dalam kerajaan kononnya tidak memperjuangkan kepentingan kaum mereka.

LIHAT MUKA 6

KEADAAN NEGARA TEGANG – MAHATHIR

UM 29 OCT 1987
"Dengan ini parti kaum Cina dan India dalam kerajaan pun melenting dan cuba pula untuk melebihi Parti DAP dalam ketebalan perkauman mereka. "DAP sengaja mengejek parti Cina dalam Barisan Nasional sebagai 'running dogs' Parti UMNO," tegas Datuk Sri Dr. Mahathir. Akibatnya, menurut beliau, bagi membuktikan siapa yang lebih kuat pegangan perkaumannya, maka beberapa isu telah dijadikan sebagai asas ujian. Isu-isu tersebut, tambahnya, termasuk soal tarian singa, soal koperasi,

soal papantanda dan iklan, soal bahasa Cina, soal Bukit Cina, soal pakaian, soal ikrar murid sekolah, soal matapelajaran elektif di Universiti Malaya, KBSR, soal pribumi/ bumiputera dan akhir-akhir ini soal guru sekolah Cina. Perdana Menteri berkata, dalam ucapan-ucapan yang dibuat sewaktu membincang isu-isu ini, banyak kata kesat yang boleh ditakrif sebagai hasutan telah disuarakan dengan lantang. Dalam ucapannya yang panjang lebar, Datuk Sri Dr. Mahathir juga menyentuh perkara -

perkara berikut:-

- Bahawa sikap tidak bertanggungjawab dan kegiatan menjolok isu-isu yang sensitif sepatutnya tidak berlaku.

- Bahawa reaksi orang Melayu juga meningkat kerana kelantangan suara-suara parti politik Cina dan India yang cuba menjuarai kaum mereka melalui berbagai isu.

- Bahawa semua isu itu dilaporkan oleh akhbar dan majalah dengan berani dan ada yang menokok - tambah hasutan - hasutan

ini untuk memperluaskan kepada seluruh rakyat.

- Pihak pro-komunis tidak mendiamkan diri dan menanggung di air keruh.

- Soal orang Islam dikristiankan sengaja diperbesar - besarkan. Perdana Menteri menyeru semua pihak supaya memberi kerjasama penuh kepada kerajaan dalam usahanya menjamin perpaduan dan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan tegas ke atas mereka yang cuba menimbulkan huru-hara.